

CARI DANA VANMaahad Tahfiz Darul Azhar
di Serdang anjur hari kantin Ms.74**BH IBRAH****Hibah bukan tolak faraid**

FOTO ROSELA ISMAIL / BPI

Fahami konsep urus pemberian harta semasa hidup

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Salah faham terhadap konsep pengurusan harta ketika hidup dan selepas kematian menyebabkan ada yang memberi tanggapan kurang tepat terhadap amalan hibah dan faraid. Ada tuduhan tidak berasas menyatakan hibah adalah satu cara atau helah bagi mengelak daripada berdepan hukum faraid.

Tidak kurang yang berpandangan hibah wajar dilaksanakan kerana dapat mengurangkan risiko perebutan harta pusaka di antara ahli keluarga. Ia seolah-olah memperlihatkan kecelaruan atau ketidakadilan berlaku dalam syariat Islam.

Sedangkan, hibah adalah salah satu instrumen yang disyariatkan bagi membantu umat Islam merancang dan mengurus harta mereka dengan sistematik ketika masih hidup. Sementara faraid hanya akan terpakai membabitkan agihan harta kepada individu yang berhak selepas berlaku kematian.

Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Noor Lizza Mohamed Said, berkata konsep hibah menyamai amalan sedekah, cuma terdapat perbezaan pada proses pelaksanaan kerana ada rukun dan syarat yang perlu dipatuhi.

Perlu ada dokumen bertulis

"Terdapat empat rukun hibah iaitu pemberi hibah, penerima, harta yang dihibah dan lafaz ijab kabul. Akad hibah perlu jelas di mana pemberi dan penerima perlu tahu dengan jelas harta yang dihibahkan itu," katanya.

Beliau berkata, hibah adalah pemberian sebagai tanda kasih sayang secara sukarela kebiasaannya kepada anggota keluarga, sahabat dan orang yang memerlukan ketika pemberi serta penerima masih hidup.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Menderma seseorang akan hartanya selang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat, dan anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang yang meminta." (Surah al-Baqarah, ayat 177)

Menurut Noor Lizza, walaupun hibah dikira sah hanya dengan adanya akad antara pemberi

dengan penerima hibah, tetapi adalah lebih baik jika pemberian itu dibuat secara bertulis dalam bentuk dokumen yang boleh dijadikan bukti wujudnya proses hibah itu.

Katanya, ini bagi mengelak timbul masalah atau pertikaian pada kemudian hari, selain memastikan hak penerima hibah terpelihara. Hibah juga adalah kaedah pewarisan yang dibuat bertujuan memudahkan pengurusan harta kepada yang diberi hak.

Salah faham hibah

Bagaimanapun, katanya, timbul salah faham mengenai harta hibah ini kerana dalam sesetengah situasi, pemberi hibah masih mendapat manfaat daripada harta yang sudah diberi kepada penerima hibah apabila hibah dibuat adalah hibah bersyarat.

"Contoh hibah bersyarat, ibu memberitahu secara lisan kepada anak sulung dia menghibahkan rumah itu kepadanya dengan syarat ibu tinggal di rumah itu sehingga dia meninggal dunia. Ia sah mengikut hukum syarak kerana menepati rukun dan syarat hibah.

"Walaupun dokumen hak milik belum bertukar nama si anak, cukup dengan pemberimelafazkannya dan syarat yang ditetapkan dipersetujui penerima. Anak menerima milik rumah dihibahkan kepadanya ketika ibu masih hidup dan memberi kebenaran ibu tinggal di rumah itu," katanya.

Katanya, masalah juga boleh timbul apabila pemberian itu hanya diketahui oleh pemberi dan penerima hibah, sedangkan waris lain tidak dimaklumkan. Ia menyebabkan berlaku pertelingkahan terutama jika ada waris yang tidak bersetuju dengan pemberian itu.

Oleh itu, cara terbaik ialah menukar nama hak milik kepada penerima menerusi proses yang sah, dibenarkan syarak mengikut peraturan ditetapkan.

Boleh ditarik balik

Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Dr Mohd Zamro Muda, berkata pemberian hibah boleh ditarik balik dalam keadaan tertentu dan pemberi mestilah dalam kalangan ibu, bapa, datuk atau nenek sahaja.

Beliau memberi dalil sabda Rasulullah SAW: "Tidak halal bagi seseorang memberi sesuatu pemberian kemudian dia menarik balik pemberian itu kecuali apa yang diberi oleh bapa kepada anaknya." (Riwayat Ibnu Majah)

Katanya, ia menunjukkan Islam menjaga pemilik harta terutama ibu bapa yang mempunyai kuasa mutlak ke atas hartanya selagi mereka masih hidup. Selain itu,

Lihat Ms.72